

# PM arah kemuka laporan kemajuan projek kerajaan

Inisiatif pastikan agenda untuk rakyat dilaksana lebih berkesan, elak salah guna

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dan ketua jabatan mengemukakan laporan bulanan berkaitan kemajuan dan sumbangan penjawat awam dalam melaksanakan projek kerajaan.

Perdana Menteri berkata, laporan terbabit perlu dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali sebelum dimaklumkan kepada beliau.

“Selalunya bila ketua jabatan, KSU jumpa dalam perbincangan dengan saya, dalam mesyuarat jawatankuasa Kabinet, semua mencadangkan minta peruntukan, tambah projek... ya ia memang bolehkan.

“Tetapi ada kaedah baharu nak kita perkenalkan, mesti ada laporan bulanan, apa yang dilakukan, apakah sumbangan saudara dalam usaha melaksanakan projek itu,” katanya pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Januari 2024, di sini semalam.

Anwar berkata, kaedah baharu itu



penting supaya semua agenda kerajaan dapat dicerakinkan sama ada dalam peralihan tenaga, transformasi digital, pelan perindustrian atau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

## Elak kecelaruan, salah guna

OKatanya, sebab itu kerajaan tidak meneruskan lagi dengan cara rundingan terus untuk mengelakkan kecelaruan dan salah guna.

“Saudara diamanahkan, kita semua diamanahkan, kita tak tunggu laporan satu tahun, setiap bulan ada kemajuan yang jelas dan sumbangan saudara melaksanakan sama ada menjadikan negara ini seperti mana didoakan negara MADANI atau ekonomi MADANI,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, setiap kementerian harus ada pendekatan yang berbeza dan lebih berani dalam melaksanakan projek.

“Walaupun ada pelbagai hal, saya yakin insya-Allah kerajaan kita stabil dan oleh kerana stabil ini, kita nak guna sepenuhnya melak-

sanakan program mengangkat martabat negara,” katanya.

Beliau juga menekankan program digital dilaksanakan dengan lebih drastik dan agresif bagi mengelakkan Malaysia ketinggalan berbanding negara lain.

Perdana Menteri berkata, sebab itu beliau menubuhkan Kementerian Digital supaya negara dapat memberi fokus dalam bidang berkenaan.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan terus menggunakan petikan ayat al-Quran dan tafsiran dalam ucapannya, namun akan merujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terlebih dahulu untuk mengelakkan kontroversi.

Beliau berkata, petikan ayat al-Quran yang dilontarkan pada perhimpunan bulanan bersama warga JPM sebelum ini mencecutkan kontroversi, bagaimanapun beliau bersyukur kerana insiden itu menimbulkan minat masyarakat terutama anak muda untuk membaca dan menelaah al-Quran secara lebih mendalam.